



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

DSN 2030: DASAR PAYUNG TUNJANGI STRATEGI PEMBANGUNAN SOSIAL NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 OKTOBER – Selaras dengan matlamat Ekonomi MADANI untuk membina sebuah negara yang lebih sejahtera, inklusif, dan progresif. Kerajaan Perpaduan komited untuk membawa Malaysia ke tangga ke-25 teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia dan Indeks Persepsi Rasuah, serta peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh wanita ke 60% sepertimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2025.

Peluncuran Dasar Sosial Negara DSN 2030 (DSN 2030) oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi di World Trade Centre hari ini merupakan kesinambungan kepada DSN 1.0 yang telah dilancarkan pada tahun 2003 bagi memperkasa usaha untuk mencapai matlamat tersebut.

DSN 2030 berperanan dalam menetapkan hala tuju sosial negara, mengenal pasti serta menyelesaikan isu-isu sosial secara holistik dengan menggunakan pendekatan '*the whole of government and whole of nation approach*'.

Melalui Majlis Sosial Negara (MSN), ianya ditubuhkan sebagai jentera pelaksana DSN yang merupakan dasar payung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara dengan kerjasama erat antara pelbagai pihak termasuk Kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat.

YAB Timbalan Perdana Menteri di dalam ucapannya turut menggalakkan usaha ke arah mendepani arus teknologi digital dan komunikasi termasuklah perkembangan artificial intelligence (AI) sebagai satu pendekatan baharu dalam menangani isu sosial dan mengangkat agenda ini demi mencapai aspirasi kemakmuran bersama.

Beliau turut mencadangkan beberapa langkah untuk dinilai dan dipertimbangkan pelaksanaannya oleh pelbagai pihak bagi mengurangkan masalah kesenjangan sosial selari dengan perkembangan era semasa dengan antaranya mewujudkan Platform Perkhidmatan Sosial Digital bagi menggabungkan semua perkhidmatan sosial kerajaan, NGO, dan sektor swasta, yang berperanan sebagai pusat sehati untuk sokongan kesihatan mental dan kebajikan, menyediakan Hab Teknologi Berasaskan Komuniti dengan mewujudkan pusat latihan literasi digital dan inkubator keusahawanan sosial dan Intervensi Melalui Media dengan meningkatkan kandungan media yang mempromosikan nilai-nilai positif, mendidik masyarakat tentang isu-isu sosial.

Sebelum itu, YAB Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bilangan 3 Tahun 2024 yang turut dihadiri oleh YB Menteri-menteri, YB Timbalan Menteri serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang terlibat.

Antara keputusan-keputusan penting mesyuarat adalah:

- i. Tentang Keciciran Pelajar – keterangan untuk memastikan capaian kepada kumpulan sasar iaitu pelajar India.
- ii. Setiap kementerian perlu memainkan peranan untuk menjalankan kempen 'Hindar Bunuh Diri, yang berkait rapat dengan isu kesihatan mental.

Majlis Sosial Negara juga bersetuju untuk menambahbaik pengurusan banduan kategori rentan (warga emas, oku, pesakit mental, pesakit kronik) di institusi Jabatan Penjara Malaysia susulan kesesakan banduan dalam penjara yang dihadapi ketika ini.

Beliau berharap melalui Majlis Sosial Negara, isu-isu sosial dapat dibincangkan secara aktif dan berkesan dan menjemput semua agensi Kerajaan untuk membentangkan cadangan-cadangan yang bernas dalam menangani masalah sosial ke arah pembangunan sosial negara yang lebih sejahtera dan memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

#####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
21 OKTOBER 2024**

MAKLUMAT TAMBAHAN MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA BILANGAN 3 TAHUN 2024:

Pada mesyuarat MSN kali ini, sebanyak dua **(2) Kertas Pertimbangan** telah dibincangkan iaitu:

- (i) Kertas Pertimbangan 1: Penambahbaikan Pengurusan Banduan Rentan di Jabatan Penjara Malaysia oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN); dan**
- (ii) Kertas Pertimbangan 2: Menangani Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Talian oleh Kementerian Komunikasi (KK).**

Secara umumnya, YAB Timbalan Perdana Menteri 1 telah menyatakan bahawa Indeks Kesejahteraan Malaysia (MyWI) telah meningkat sebanyak 2.5 peratus pada tahun 2022, mencapai 121.2 mata berbanding 118.3 mata pada tahun sebelumnya yang mana kenaikan ini adalah hasil daripada pertumbuhan positif dalam kedua-dua aspek kesejahteraan ekonomi dan sosial, namun, terdapat isu-isu seperti pembuangan bayi, kehamilan remaja, penipuan dalam talian, jenayah seksual dan akses kepada pendidikan yang masih menjadi cabaran utama yang perlu diberi perhatian segera. Langkah-langkah strategik perlu diambil bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memajukan negara. Keseimbangan antara pencapaian ekonomi dan sosial adalah amat perlu supaya sebuah negara yang tinggi nilai martabatnya bukan sahaja dari segi kemajuan infrastruktur malah dengan nilai-nilai insaniah dapat dibina. Agenda yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

Penambahbaikan Pengurusan Banduan Rentan di Jabatan Penjara Malaysia dipersetujui supaya bagi penyelesaian pra perbicaraan, hukuman dan pemulihan alternatif diperkasa, Kanun Acara Jenayah (Akta 593) dikuatkuasa dan perkhidmatan serta pemeriksaan kesihatan termasuk kesihatan mental diperluaskan. Penyelesaian dalam fasiliti penjara dari segi pengasingan dan penambahbaikan infrastruktur serta penyelesaian dalam komuniti dengan pengwujudan rumah perantaraan dan rumah perlindungan juga dibincangkan.

Menangani Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Talian dipersetujui dengan pengwujudan garis panduan Kawalan Akses Peranti, penubuhan Pasukan Petugas Khas Menangani Jenayah Dalam Talian, pengukuhan kerjasama antara agensi penguatkuasa, pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran yang menyeluruh dan rentas kementerian dengan menggunakan pendekatan *Whole of Society*.
